



KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENJELASAN BERKAITAN ISU KEKURANGAN BEKALAN

UBAT-UBATAN DI PASARAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merujuk kepada isu kekurangan bekalan ubat-ubatan dan bahan mentah bagi produk farmaseutikal yang dilaporkan dalam media massa dan menerusi laman sosial. Kekurangan bekalan dikatakan melibatkan ubat-ubatan untuk rawatan demam, selsema dan batuk, sakit tekak, antibiotik, ubat tahan sakit serta ubat-ubatan bagi mengurangkan gejala penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD).

KKM melalui Program Perkhidmatan Farmasi telah mengadakan perjumpaan dengan pihak industri farmaseutikal, iaitu Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI), Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA) dan Malaysia Association of Pharmaceutical Suppliers (MAPS) pada 2 Jun 2022.

Maklumbalas yang diterima daripada pihak industri menunjukkan terdapat peningkatan permintaan yang mendadak bagi beberapa jenis ubat-ubatan seperti produk dengan bahan aktif paracetamol (bagi rawatan demam dan sakit yang ringan), vitamin C serta ubat batuk dan selsema untuk kegunaan kanak-kanak.

Namun, pada masa ini, tiada produk yang mengalami gangguan bekalan secara menyeluruh kerana kebanyakan produk mempunyai alternatif dari pelbagai jenama lain yang mempunyai indikasi yang sama. Pihak pengilang juga telah meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi memenuhi permintaan yang tinggi.

Kementerian Kesihatan sedang mendapatkan maklumbalas lanjut daripada pihak industri berhubung status sebenar bekalan ubat-ubatan yang dihasilkan di Malaysia atau diimport serta isu-isu yang berkaitan dengannya.

Pemantauan yang ketat dan penyelesaian terhadap setiap isu yang dialami akan diteliti melalui komunikasi berterusan antara KKM dan pihak industri farmaseutikal bagi memastikan kesinambungan bekalan ubat-ubatan yang berkualiti, selamat dan berkesan kepada rakyat Malaysia.

NORHALIZA BINTI A HALIM

PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

3 Jun 2022